

30 JUN 1998

DR MAHATHIR PULANG KE IBU NEGARA SETELAH 8 JAM DI LANGKAWI

LANGKAWI, 30 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Dr Siti Hasmah Mohamed Ali pulang ke ibu negara petang ini selepas tiba pagi tadi dengan penerbangan berjadual pertama dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL yang mula beroperasi hari ini.

Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid berada di lapangan terbang antarabangsa Langkawi untuk mengucapkan selamat pulang kepada Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah yang berlepas dengan pesawat khas.

Selama lapan jam di sini, Perdana Menteri meninjau beberapa projek pembangunan di pulau peranginan ini.

Sebaik tiba, beliau mendengar taklimat mengenai projek penubuhan sebuah kolej pendidikan.

Perdana Menteri kemudian ke Hotel Awana di Tanjung Malai dan diberi penerangan oleh Wong Choon Kee, Naib Presiden Eksekutif Awana Hotel dan Resort, anggota kumpulan syarikat Genting, mengenai fasa kedua projek pembangunan kawasan di situ yang bernilai RM100 juta yang dijangka siap menjelang tahun 2000.

Projek itu mengandungi antara lain hotel 300 bilik, pantai buatan manusia, akuarium dan kolam ikan lumba-lumba.

-- BERNAMA

NH MAI